

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI  
MASLAN [ PONTIAN ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 8**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan senarai sebab bangsa Melayu/Bumiputera kurang jadi usahawan dan mengapa masyarakat Cina ramai. Apa langkah untuk ramaikan orang Melayu jadi usahawan dan adakah pendidikan sekolah rendah, menengah dan universiti akan dirombak untuk ajar ilmu keusahawanan secara subjek yang tetap dan wajib lulus.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penglibatan bangsa Melayu/Bumiputera yang menjadi usahawan masih kurang adalah disebabkan faktor-faktor, di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) kurang latihan dan kemahiran keusahawanan serta minda keusahawanan dalam kalangan bangsa Melayu/Bumiputera;
- (ii) kurang dorongan dan minat untuk meneroka peluang baharu dalam bidang keusahawanan;
- (iii) sikap terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan untuk menjadi usahawan. Kejayaan usahawan sebenarnya

## NO. SOALAN : 8

bergantung kepada daya usaha, kemahiran dan inisiatif mereka sendiri untuk merebut ruang dan peluang meskipun terdapat banyak bentuk sokongan daripada Kerajaan; dan

- (iv) masalah capaian kepada sumber kewangan yang berpunca dari jurang ekspektasi antara pihak pembiaya dan usahawan. Untuk memulakan perniagaan memerlukan modal permulaan, namun kesukaran dalam memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan serta menyediakan aset yang boleh diterima oleh pihak pembiaya sebagai cagaran atau kelemahan usahawan sendiri dalam pengurusan rekod kewangan perniagaan menyebabkan kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan institusi kewangan tidak dapat dimanfaatkan oleh golongan ini.

2. Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk melahirkan lebih ramai usahawan termasuk dari kalangan bangsa Melayu/Bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat melalui program-program *outreach*, program kesedaran keusahawanan serta program bimbingan dan latihan keusahawanan untuk menarik minat dan terlibat secara serius dalam bidang keusahawanan;
- (ii) menerapkan nilai dan budaya keusahawanan dalam sistem pendidikan bermula dari peringkat awal sekolah rendah hingga pendidikan tinggi;
- (iii) mempromosikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan;
- (iv) menyediakan khidmat nasihat dan akses kepada bantuan pembiayaan khususnya melalui agensi-agensi seperti TEKUN Nasional, SME Corp., SME Bank dan Bank Rakyat;
- (v) melaksanakan program-program bagi menggalakkan dan memperkukuhkan penglibatan usahawan dalam inisiatif

**NO. SOALAN : 8**

e-dagang (*e-commerce*) dan perniagaan atas talian (*online business*); dan

- (vi) menggalakkan program pembangunan dan pengukuhan koperasi bagi membuka lebih banyak peluang penglibatan dan penyertaan usahawan khususnya dalam kalangan masyarakat bangsa Melayu/Bumiputera.

Yang di-Pertua,

3. Dalam sistem pendidikan sedia ada telah diterapkan ilmu dan pendidikan berunsurkan keusahawanan sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Buat masa ini, Kerajaan akan memperkukuhkan program-program keusahawanan tersebut bagi membina keupayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Sekian, terima kasih.